

09 JAN 2003

LING LETAK JAWATAN KABINET BUKAN KERANA GAGAL SELESAI ISU CINA, KATA ONG

MELAKA, 9 Jan (Bernama) -- Hasrat Datuk Seri Dr Ling Liong Sik untuk meletak jawatan sebagai Menteri Pengangkutan bukan kerana beliau gagal menyelesaikan isu membabitkan MCA dan masyarakat Cina, kata Naib Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting.

Katanya hasrat Presiden MCA itu untuk berundur itu adalah sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Dr Ling sendiri.

"Laporan sebuah akhbar hari ini bahawa punca Dr Ling letak jawatan dalam kabinet kerana gagal selesai isu masyarakat Cina tidak tepat, dan hanya satu spekulasi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Jawatankuasa Perunding Perbadanan Perbandaran-perbandaran Malaysia di sini hari ini.

Ong, yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyatakan semalam bahawa beliau tidak bersetuju Dr Ling meletak jawatan.

"Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana sebagai Pengerusi Barisan Nasional, beliau begitu prihatin terhadap perkembangan dalaman semua parti-parti komponen BN," katanya.

Ong berkata isu peletakan jawatan Dr Ling tidak harus dipersoalkan.

-- BERNAMA

NO MAI